

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENDAHULUAN

Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat persepsi pengetua dan guru besar terhadap kepimpinan pendidikan PPD di daerah yang dikaji. Bab ini akan menghuraikan kaedah kajian yang merangkumi aspek-aspek reka bentuk kajian, subjek kajian, lokasi kajian, batasan kajian, instrumen kajian, kaedah pengumpulan data dan penganalisisan data.

3.1 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan deskriptif berdasarkan soal selidik untuk pengumpulan data utama. Soal selidik ‘Principals Instructional Management Rating Scale, (PIMRS) oleh Philip Hallinger (1987), dan soal selidik ‘Administrative Behaviour Questionare’ (ABQ) yang dibina oleh Ismail Hj. Othman (1993), Abdul Nasir Bin Ahmad (2001) dan Abd. Razak bin Wahid (2001) telah diubahsuai dan digunakan untuk mengumpul data kajian ini. Data kajian dianalisis berdasarkan statistik min dan peratusan untuk tujuan perihalan (analisis statistik) serta perbandingan. Semua komponen termasuk setiap item dalam soal selidik telah dibincangkan dengan penyelia bagi memastikan item-item yang dimasukkan dalam soal selidik ini bersesuaian dengan soalan kajian.

3.2 SAMPEL KAJIAN

Sebanyak 17 buah sekolah menengah dan 25 buah sekolah rendah terlibat dalam kajian ini. Subjek kajian ini terdiri daripada 17 orang pengetua SMK, 25 orang guru besar di SK dan 126 orang guru penolong kanan sekolah-sekolah terlibat di Daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam.

Sejumlah responden yang dipilih ini berdasarkan kepada kekerapan mereka berhubung atau berurusan terus dengan PPD dalam segala hal berkaitan dengan sekolah atau penstafan institusi pendidikan tersebut. Hubungan secara langsung dengan PPD ini mustahak kerana pengalaman pergaulan rasmi dengan PPD akan membantu responden untuk menjawab soalan-soalan dalam soal selidik dengan lebih menepati kehendak kajian ini.

Aspek kepimpinan pendidikan PPD ditinjau daripada persepsi responden yang dipilih secara ‘purposive sampling’ di sekolah-sekolah terlibat. Seramai 168 orang terlibat sebagai responden yang terdiri daripada pengetua, guru besar, GPK Akademik, GPK Hem, GPK Kokurikulum dan Penyelia Petang setiap sekolah yang terlibat. Purata responden bagi sebuah sekolah ialah empat orang daripada 42 buah sekolah menengah dan rendah yang terpilih sebagai sampel kajian ini.

3.3 LOKASI KAJIAN

Kajian ini dijalankan di kalangan 17 buah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan 25 buah sekolah kebangsaan di dua daerah terlibat iaitu Kuala Selangor dan Sabak Bernam di negeri Selangor Darul Ehsan. Kajian dijalankan sepanjang bulan Julai 2003 hingga awal September 2003, sebaik sahaja mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan KPM dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor. Kajian ini melibatkan sekolah-sekolah berikut :

Senarai Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) yang menjadi subjek-subjek dalam penyelidikan ini :

01. SMK Jeram, Kuala Selangor
02. SMK Raja Muda Musa, Kuala Selangor
03. SMK Sultan Sulaiman Shah, Kuala Selangor
04. SMK Seri Tanjung, Kuala Selangor
05. SMK Sultan Abdul Aziz Shah, Kuala Selangor
06. SMK Pengkalan Permatang, Kuala Selangor
07. SMK Tiram Jaya, Kuala Selangor
08. SMK Dato' Harun, Kuala Selangor
09. SMK Seri Desa, Kuala Selangor
10. SMK Ssungai Burung, Kuala Selangor

11. SMK Dato' Mustafa, Sabak Bernam
12. SMK Sungai Besar, Sabak Bernam
13. SMK Seri Bedena, Sabak Bernam
14. SMK Ungku Abdil Aziz, Sabak Bernam
15. SMK Tunku Abdul Rahman Putra, Sabak Bernam
16. SMK Simpang Lima, Sabak Bernam
17. SMK Bagan Terap, Sabak Bernam

Kajian di Sekolah Kebangsaan (SK) di dua daerah yang dikaji :

01. SK Ijok, Kuala Selangor
02. SK Bukit Badong, Kuala Selangor
03. SK Bandar Baru Kuala Selangor
04. SK Kuala Selangor
05. SK Bukit Belimbing, Kuala Selangor
06. SK Tiram Jaya, Kuala Selangor
07. SK Tg. Karang, Kuala Selangor
08. SK Dato' Manan, Kuala Selangor
09. SK Bt. 9 Jalan Bomba, Kuala Selangor
10. SK Sungai Burung, Kuala Selangor
11. SK Parit 4, Kuala Selangor
12. SK Sg. Terap, Kuala Selangor
13. SK Sekinchan, Sabak Bernam

14. SK Sg. Nibong, Sabak Bernam
15. SK Pasir Panjang, Sabak Bernam
16. SK Simpang Lima, Sabak Bernam
17. SK Sg. Hj. Dorani, Sabak Bernam
18. SK Bt. 38, Sabak Bernam
19. SK Dr. Abdul Latif, Sabak Bernam
20. SK Seri Makmor, Sabak Bernam
21. SK Khir Johari, Sabak Bernam
22. SK Sg. Limau, Sabak Bernam
23. SK Pt 6 Sungai Leman, Sabak Bernam
24. SK Sekendi, Sabak Bernam
25. SK Berjaya, Kuala Selangor.

3.4 INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan soal selidik. Sebanyak 51 item digunakan untuk mengukur kekerapan PPD melaksanakan fungsi-fungsi kepimpinan pendidikan mengikut persepsi pengetua dan guru besar. Item-item itu disesuaikan daripada ‘Principal Instructional management Rating Scale’ oleh Hallinger dan Murphy (1987) dan ABQ. Soal selidik dibahagikan kepada dua bahagian.

Bahagian A mengandungi (7 item) soalan-soalan berkaitan dengan demografi atau latar belakang responden seperti jantina, umur, kelulusan tertinggi akademik,

jawatan, pengalaman sebagai pentadbir, tempoh masa mengenali PPD dan daerah tempat berkhidmat.

Bahagian B bertujuan untuk mengukur aspek kepimpinan PPD melalui persepsi responden. Skala persepsi didasarkan kepada andaian bahawa persepsi-persepsi yang subjektif boleh diukur dengan menggunakan teknik kuantitatif, iaitu persepsi seseorang responden itu boleh diwakili oleh skor-skor berangka menggunakan Skala Likert. Soal selidik bahagian B ini terdiri daripada 44 item. Setiap item memerlukan responden memilih jawapan yang disediakan dalam bentuk skala Likert lima mata (1 – 5) bersifat '*semantic differential*'. Skala 5 mata mempunyai nilai paling positif (Sangat Kerap/Sangat Setuju) dan skala 1 mata nilai paling negatif (Tidak Pernah / Tidak Setuju). Skala lima poin yang digunakan adalah seperti berikut :

- i. Tidak Pernah / Tidak Setuju
- ii. Jarang-jarang / Agak Tidak Setuju
- iii. Kadangkala / Agak Setuju
- iv. Kerap / Setuju
- v. Sangat Kerap / Sangat Setuju

Jadual 1 menunjukkan 5 dimensi peranan PPD sebagai pemimpin pendidikan peringkat daerah, yang diperincikan mengikut bilangan item yang digunakan dalam soal selidik kajian ini.

Jadual 1 : Taburan Item Mengikut Dimensi Peranan PPD

Bil	Dimensi Peranan PPD	Item-item
1	Demografi Responden	1 - 7
2	Menjelaskan Matlamat PPD	8 - 10
3	Mengurus Kurikulum dan Pengajaran	11 - 17
4	Pembangunan Staf dan Kebajikan	18 - 23
5	Penyeliaan dan Pengurusan	24 - 33
6	Komunikasi, Profesionalisma dan Deligasi	34 - 48
7	Prestasi Perkhidmatan dan Kepimpinan PPD	49 - 51

3.5 PENGUMPULAN DATA

Sebelum melaksanakan kajian ini, pengkaji telah mendapatkan kebenaran bertulis daripada Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Pendidikan (EPRD) Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Perhubungan dan Pendaftar, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS) dan Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor serta Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam. Surat-surat kebenaran penyelidikan disertakan di Lampiran 1.

Proses mentadbirkan soal selidik dijalankan oleh pengkaji sendiri. Set soal selidik diserahkan ‘dengan tangan’ kepada semua subjek yang terlibat. Penerangan diberikan jika perlu dan soal selidik akan dipungut semula pada masa dan tarikh yang

dipersetuju bersama. Kerap kali disebabkan oleh beban tugas yang banyak, panggilan menghadiri mesyuarat atau taklimat secara ‘mendadak’ dan faktor kesuntukan masa di kalangan pengetua dan guru besar, pengkaji terpaksa berulang alik beberapa kali ke sekolah yang sama untuk memungut kertas soal selidik yang diserahkan kepada pengetua dan guru besar sebelumnya.

Ada juga pihak pentadbir atau responden yang terlibat ‘terlupa letak’ set soal selidik yang telah diberikan kepada mereka sebelumnya. Ini memaksa pengkaji memberi set soal selidik yang baru dan membuat temujanji baru dan datang sekali lagi selepas itu untuk memungutnya. Sebanyak 168 set soal selidik telah diedarkan kepada responden, dan sejumlah 142 set soal selidik yang lengkap diisi telah dikembalikan kepada penyelidik.

3.6 KAJIAN RINTIS

Sebelum kajian sebenar dijalankan, kajian rintis telah dilakukan di dua buah sekolah menengah dan dua buah sekolah rendah melibatkan 16 orang responden. Kajian rintis ini dijalankan untuk menentukan keesahan dan kebolehpercayaan soal selidik yang telah dibina di samping mengesan sebarang kesilapan dari segi susunan soalan, format, bahasa dan isi kandungan soal selidik yang bakal digunakan untuk kajian. Teguran-teguran membina terhadap sebarang kesilapan dalam soal-selidik digunakan untuk memurnikan bahasa dan item-item yang digunakan dalam instrumen kajian ini.

3.7 PENGANALISISAN DATA

Data-data yang dikumpulkan melalui soal selidik diproses menggunakan “Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 10.0. Maklumat-maklumat yang dipungut akan diterjemahkan, dikodkan dan dimasukkan ke dalam komputer dengan menggunakan program ini untuk dianalisis. Analisis ini melibatkan penggunaan statistik deskriptif. Analisis ini dirasakan dapat memberikan maklumat secara langsung dan mudah serta sebagai ringkasan daripada keseluruhan set data (Abd. Razak, 2001).

Cara analisis yang dilakukan melibatkan jumlah skor persepsi, peratusan, taburan kekerapan, dan min dirasakan sudah memadai untuk menganalisis dan menghuraikan hasil-hasil dapatan dalam penyelidikan ini kerana item-item dalam soal selidik ini bersifat nominal dan ordinal. Arahan-arahan prosedur statistik “Crosstabs dan Frequencies” digunakan untuk membentuk jadual-jadual yang mengkategorikan item-item persepsi responden dan pembolehubah-pembolehubah seperti jantina, jawatan dan daerah berkhidmat.